



MAJLIS BANDARAYA IPOH ARAHAN KEWANGAN BIL.12/2013

Rujukan : Bil(30) dlm. MBI. B1/12/1/12

Jabatan Kewangan
Majlis Bandaraya Ipoh
04 Oktober 2013

Y. Bhg. Dato' Setiausaha Bandaraya
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Majlis Bandaraya Ipoh

KAEDAH BAYARAN WANG JAMINAN PELAKSANAAN (WJP)

Dengan segala hormatnya saya memohon perhatian Y.Bhg.Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, ingin dimaklumkan bahawa Majlis telah melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) bagi Bon Pelaksanaan untuk kontrak kerja/perkhidmatan/bekalan dimana pihak kontraktor/pembekal diberi pilihan untuk mengemukakan dan menentukan bentuk bon pelaksanaan samada Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP), Jaminan Insurans atau Jaminan Bank.
3. Memandangkan berlaku beberapa kes dimana terdapat peruntukan luar yang menggunakan WJP tetapi potong tidak dibuat. Oleh itu, pihak Jabatan telah memutuskan penggunaan WJP hanya sesuai untuk peruntukan Majlis sahaja.
4. Perlaksanaan Arahan Kewangan ini akan bermula pada 4 Oktober 2013, oleh itu bagi mana-mana kontrak kerja/perkhidmatan/bekalan yang menggunakan peruntukan luar tidak boleh menggunakan kaedah WJP selepas tarikh kuatkuasa.
5. Kerjasama dan keprihatian semua ketua Jabatan/Bahagian/Unit pada perkara yang di atas adalah amat diharapkan bagi memastikan perlaksanaan kaedah WJP berjalan dengan lancar.

Sekian dimaklumkan , terima kasih.

**'INOVASI MEREALISASIKAN TRANSFORMASI'
'CINTAILAH BANDARAYA IPOH'**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI ROSHIDI BIN HAJI HASHIM)
Datuk Bandar**

